H1 Ahli keluarga bercakap menggunakan perkataan yang baik

F2 Elakkan bercakap kasar

H2 Tidak meninggikan suara atau menyentuh isu sensitif yang boleh menimbulkan pertengkaran

[4 *markah*]

(c) Sebagai anak, nyatakan norma masyarakat yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

F1 Bercakap sopan dengan ibu bapa

F2 Membantu ibu bapa seperti melakukan kerja rumah

F3 Bersikap amanah dalam menjaga rahsia ahli keluarga

(Terima jawapan murid yang munasabah)

[3 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Gambar di bawah menunjukkan permainan tradisional dan permainan masa kini.



Permainan tradisional



Permainan masa kini

(Sumber: Lukisan artis)

(a) Selain permainan tradisional di atas, senaraikan **dua** permainan tradisional di Malaysia.

(i) J1 Wau

(ii) J2 Batu seremban

[2 *markah*]

(b) Mengapakah permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi muda?

F1 Tiada pakar boleh dirujuk

H1 Tiada orang tua mahir dalam permainan tradisional

F2 Kekurangan gelanggang untuk permainan tradisional

H2 Kawasan lapang telah dibina menjadi kawasan kediaman / pejabat

[4 *markah*]

(c) Huraikan langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk memupuk minat anak-anak dalam permainan tradisional.

F1 Meluangkan masa untuk mengajar anak bermain permainan tradisional

H1 Membawa anak bermain gasing

F2 Menggalakkan anak mengajak rakan untuk bermain bersama

H2 Menyediakan congkak / batu seremban di rumah

(Terima jawapan murid yang munasabah) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

3. Gambar di bawah menunjukkan situasi rumah terbuka sempena perayaan.



(Sumber: Google Images)

(a) Berdasarkan gambar di atas, nyatakan makanan tradisional yang dihidangkan sempena majlis rumah terbuka sempena perayaan.

F1 Muruku

F2 Tosai

[2 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah majlis rumah terbuka penting dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia?

F1 Menjadi medium untuk mengeratkan hubungan antara kaum

H1 Melalui kunjung-mengunjung semasa perayaan, masyarakat dapat berinteraksi

H2 Memahami budaya antara satu sama lain

C1 Tidak bercakap buruk tentang budaya kaum lain

H3 Mengurangkan salah faham

F2 Memastikan budaya diteruskan pada masa hadapan

H4 Beri peluang kepada generasi muda untuk mengenali adat resam dan makanan tradisional kaum lain yang diwarisi sejak turun-temurun

H5 Apabila mereka terlibat secara langsung dalam sambutan perayaan seperti menikmati makanan tradisional, melihat cara berpakaian dan mengamalkan adat tertentu, pengetahuan ini akan diwarisi dan tidak hilang ditelan zaman

C2 Menikmati tosai dan muruku

H6 Budaya tidak pupus

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

4. Gambar di bawah menunjukkan pembayaran tanpa tunai yang diamalkan oleh masyarakat kini.



(Sumber: Google Images)

(a) Nyatakan contoh aplikasi pembayaran tanpa tunai.

F1 Touch 'n Go eWallet

F2 Grabpay

F3 Boost

F4 ShopeePay

[4 *markah*]

(b) Jelaskan kepentingan yang diperolehi oleh pelanggan apabila mengamalkan pembayaran tanpa tunai. Jawapan anda harus berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Pelanggan

Nilai: Nilai rasional, nilai kesederhanaan, nilai bertanggungjawab

F1 Memudahkan urusan pembayaran harian

H1 Transaksi dilakukan dengan cepat tanpa perlu mengira wang atau menunggu baki wang

H2 Pengguna tidak perlu membawa wang tunai yang banyak

C1 Hanya mengimbas kod QR menggunakan aplikasi e-dompet

H3 Pembayaran boleh dilakukan pada bila-bila masa secara dalam talian

F2 Lebih selamat berbanding membawa wang fizikal

H4 Risiko kehilangan wang kerana diragut dapat dikurangkan

H5 Setiap transaksi memerlukan pengesahan PIN, kata laluan atau cap jari

C2 Jika kehilangan telefon, pengguna lain tidak boleh melakukan sebarang transaksi kerana pemilik mengunci aplikasi e-dompet

H6 Pemilik juga boleh menyekat akaun dengan segera jika telefon / kad bank hilang untuk mengelakkan penyalahgunaan

[8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Cerakinkan cabaran penggunaan pembayaran tanpa tunai dalam kehidupan harian.

F1 Penerimaan yang terhad

H1 Tidak semua peniaga menyediakan kemudahan pembayaran tanpa tunai kerana kos pemasangan sistem atau caj transaksi yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan

H2 Di kawasan luar bandar atau kurang membangun, penggunaan teknologi digital masih rendah menyebabkan kemudahan pembayaran tanpa tunai tidak meluas

C1 Seorang pelanggan ingin membayar menggunakan e-dompet di gerai makanan di kampung, tetapi peniaga hanya menerima wang tunai kerana tidak mempunyai kemudahan pembayaran tanpa tunai

H3 Sebahagian peniaga kecil lebih selesa menggunakan wang tunai kerana ia lebih mudah diurus dan tidak memerlukan kemahiran teknologi

F2 Risiko keselamatan siber

H4 Menjadi mangsa penipuan di mana penjenayah menyamar sebagai pihak bank

H5 Akaun pembayaran boleh digodam jika pengguna menggunakan kata laluan yang lemah atau berkongsi maklumat keselamatan dengan orang lain

C2 Pengguna menerima mesej palsu yang meminta maklumat e-dompet menyebabkan wang dalam akaunnya telah dipindahkan

H6 Data peribadi dan maklumat kewangan boleh dicuri jika pengguna menggunakan rangkaian Internet yang tidak selamat seperti Wi-Fi awam tanpa perlindungan

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

5. Maklumat berikut berkaitan dengan gotong-royong.

> Gotong-royong bermaksud sama-sama mengerjakan sesuatu atau saling membantu ketika membuat sesuatu.

(Sumber: prpm.dbp.gov.my)

(a) Jelaskan **dua** contoh aktiviti yang memerlukan usaha gotong-royong.

F1 Gotong-royong membersihkan kawasan perumahan

H1 Longkang yang tersumbat dibersihkan bersama-sama

F2 Gotong-royong menyediakan makanan untuk sambutan

H2 Menolong jiran memasak dalam kenduri perkahwinan

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Pada pendapat anda, mengapakah aktiviti gotong-royong penting dalam kehidupan seharian?

F1 Tugas yang diberi dapat diselesaikan dengan efisien

H1 Menjimatkan wang, masa dan tenaga

H2 Kurang letih berbanding menyelesaikan masalah tanpa bantuan

H3 Tidak perlu membayar upah kepada pekerja

C1 Memotong rumput yang panjang di taman permainan

F2 Memupuk semangat perpaduan

H4 Bersama-sama menyumbangkan tenaga

H5 Mempunyai matlamat yang sama

H6 Mengeratkan hubungan antara penduduk

C2 Menolong jiran baharu mengangkat barang

[8 *markah*]

(c) Huraikan langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam menggalakkan rakyat terlibat dalam aktiviti gotong-royong. Jawapan anda haruslah berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Kerajaan

Nilai: Nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai hormat, nilai kerjasama

F1 Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan aktiviti gotong-royong

H1 Mempromosikan kebaikan gotong-royong di media sosial

H2 Mencetak poster dan menggantung di kawasan perumahan

H3 Memberi peruntukan untuk menjalankan gotong-royong

C1 Wakil rakyat turun padang menyertai aktiviti gotong-royong

F2 Menyebarkan konsep gotong-royong secara berperingkat

H4 Mengajar tentang kepentingan gotong-royong sejak sekolah rendah

H5 Menggalakkan sekolah rendah mengadakan gotong-royong secara kecil-kecilan

H6 Mewajibkan pelajar sekolah menengah menyertai aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh badan kerajaan atau bukan kerajaan

C2 Murid tingkatan 4 menyertai kempen gotong-royong sempena Hari Bumi

(Terima jawapan murid yang munasabah)

[8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Unit 8

Hak dan Tanggungjawab Warganegara

Nilai Teras Sivik | Hormat-menghormati

ePOWERPOINT

NOTA PECUT

Cadangan nilai:
- Bertanggungjawab
- Berterima kasih
- Patriotisme
- Kebebasan
- Berdikari

Konsep Hak dan Tanggungjawab

1. **Hak** – Kuasa atas sesuatu atau kuasa melakukan sesuatu yang ditentukan mengikut peraturan dan undang-undang negara.
2. **Tanggungjawab** – Kesanggupan warganegara untuk melaksanakan tugas serta kewajipan dalam menjaga kedaulatan negara.

Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara

Hak	Tanggungjawab
Perkara 5 (Kebebasan diri) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang	Memelihara diri sendiri dan nyawa orang lain kecuali mengikut undang-undang
Perkara 6 (Keabdian dan kerja paksa dilarang) Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara	Tidak menindas golongan pekerja dengan memberikan layanan adil kepada semua pihak
Perkara 8 (Kesamarataan) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang	Tidak bersikap diskriminasi terhadap mana-mana pihak
Perkara 10 (Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan) Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara	Mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum mengadakan perhimpunan
Perkara 13 (Hak terhadap harta) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang	Memikul peranan untuk membuat pengisytiharan harta dan membayar cukai

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Kepentingan Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara

1. Hak
   (a) Mewujudkan keamanan dalam kehidupan sejagat
   (b) Mengelakkan perselisihan faham antara kaum
   (c) Menjamin kebebasan hak asasi
   (d) Meningkatkan taraf hidup sosial
2. Tanggungjawab
   (a) Memastikan dasar kerajaan berjalan lancar
   (b) Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara
   (c) Melestarikan alam sekitar
   (d) Melicinkan petadbiran negara

Kesan Pengabaian Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara

1. Hak
   (a) Diri: Tersisih daripada masyarakat, dipandang rendah oleh masyarakat
   (b) Masyarakat: Berlaku perselisihan faham, mengancam keselamatan
   (c) Negara: Imej terjejas, semangat patriotik berkurang
2. Tanggungjawab
   (a) Diri: Hilang hak asasi, berlaku diskriminasi
   (b) Masyarakat: Taraf hidup terjejas, hidup tidak sejahtera
   (c) Negara: Kestabilan tergugat, pentadbiran kucar-kacir

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 106 – 107

Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara

1. Apakah maksud hak dan tanggungjawab sebagai warganegara?

(a) Hak ialah kuasa atas sesuatu atau kuasa melakukan sesuatu yang ditentukan mengikut peraturan dan undang-undang negara.

(b) Tanggungjawab ialah kesanggupan warganegara untuk melaksanakan tugas serta kewajipan menjaga kedaulatan negara.

2. Lengkapkan jadual di bawah dengan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan Perlembagaan Malaysia. SP 7.1.1 TP 1

Perkara	Hak	Tanggungjawab
Perkara 5 Kebebasan diri	• Tiada seorang pun yang boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.	• Memelihara diri sendiri dan nyawa orang lain kecuali mengikut undang-undang.
Perkara 6 Keabdian dan kerja paksa dilarang	• Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara.	• Tidak menindas golongan pekerja dengan memberikan layanan adil kepada semua pihak.
Perkara 8 Kesamarataan	• Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.	• Tidak bersikap diskriminasi kepada mana-mana pihak atas alasan kaum, agama atau jantina.
Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan	• Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara.	• Mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum mengadakan perhimpunan.
Perkara 13 Hak terhadap harta	• Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.	• Bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan harta dan membayar cukai.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 108

Kepentingan Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara

3. Tulis pilihan jawapan yang diberi pada kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

SP 7.1.2 TP 2

Melestarikan alam sekitar	Mewujudkan kemakmuran dan keamanan
Mengelakkan diskriminasi akibat perbezaan agama	Menjamin kebebasan hak asasi
Memastikan dasar kerajaan berjalan dengan lancar	Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara

INFO

Tanggungjawab Kita sebagai Rakyat Malaysia

eP+ NOTA PETA MINDA

Hak	Tanggungjawab
(a) Mengelakkan diskriminasi akibat perbezaan agama	(a) Melestarikan alam sekitar
(b) Mewujudkan kemakmuran dan keamanan	(b) Memastikan dasar kerajaan berjalan dengan lancar
(c) Menjamin kebebasan hak asasi	(c) Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Buku Teks ms. 109

Kesan Pengabaian Hak dan Tanggungjawab

4. Lengkapkan pernyataan di bawah tentang kesan pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.

SP 7.1.3 TP 3

	Hak	Tanggungjawab
Diri	• Tersisih daripada masyarakat • Dipandang rendah oleh masyarakat	• Hak asasi akan hilang • Berlaku diskriminasi kepada diri
Masyarakat	• Berlaku perselisihan faham • Mengancam keselamatan	• Taraf hidup rakyat terjejas • Hidup tidak sejahtera
Negara	• Imej negara tercemar • Semangat patriotik akan berkurangan	• Kestabilan negara tergugat • Tadbir urus pentadbiran kucar-kacir

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Buku Teks ms. 110

Batasan Hak sebagai Warganegara

5. Analisis **dua** kesan batasan hak dan tanggungjawab berdasarkan situasi diberikan. **TP 4**

SP 7.1.4
KBAT Menganalisis

Situasi A: Encik Roslan telah mengisytiharkan cukai pendapatan dengan menuntut semua pelepasan cukai tanpa resit.

Kesan:

(i) Akan dikenakan denda jika diaudit.

(ii) Imej diri akan terjejas.

Situasi B: Encik Wong tidak membayar gaji pekerja syarikatnya dengan alasan tiada keuntungan.

Kesan:

(i) Syarikat akan didakwa.

(ii) Produktiviti menurun kerana pekerja akan mogok.

Situasi C: Jason telah menyebarkan berita dalam media sosial tanpa diketahui kesahihannya.

Kesan:

(i) Menimbulkan kekecohan dalam masyarakat.

(ii) Boleh dikenakan denda.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Buku Teks ms. 110

Amalan Hak dan Tanggungjawab sebagai Warganegara dalam Kehidupan Harian

6. Jawab soalan yang berikutnya berkaitan dengan gambar di bawah. **TP 5**

MAHIR SPM

SP 7.1.5
KBAT Menilai

CETUS IDEA



Jelaskan emosi moral anda apabila berpeluang belajar di sekolah.

Gembira. Saya dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Dengan itu, saya berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi dan mencapai-cita-cita saya. Sehubungan itu, masa depan saya lebih terjamin.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Baca petikan di bawah dengan teliti.

TP 6

MAHIR SPM

SP 7.1.6

KBAT Menganalisis

Alvin merupakan warganegara Malaysia yang sudah menetap di luar negara selama lima tahun kerana mendapat peluang pekerjaan di sana. Sepanjang berada di sana, Alvin tidak pernah pulang ke Malaysia. Namun, pada tahun ini, pilihan raya akan diadakan di Malaysia. Alvin masih memikirkan sama ada mahu pulang atau tidak pada hari pilihan raya tersebut untuk mengundi.



Sekiranya anda Alvin, anda telah membuat keputusan untuk pulang ke Malaysia. Mengapakah anda mengambil tindakan sedemikian? Berikan alasan anda.

Saya dapat memilih pemimpin untuk mentadbir negara Malaysia. Hal ini dapat memastikan negara terus maju. Dengan ini, negara dapat bersaing dengan negara lain. Sehubungan itu, imej negara akan meningkat. Oleh itu, negara akan dipandang tinggi oleh negara lain. Di samping itu, saya dapat memainkan peranan sebagai rakyat Malaysia. Setiap rakyat perlu melibatkan diri dalam pilihan raya yang diadakan. Hal ini memastikan segala dasar negara dapat dijalankan dengan lancar dan menimbulkan rasa puas hati semua pihak terhadap pentadbiran kerajaan. Dengan ini, keamanan negara terjamin.

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

Pendidikan Sivik

Nilai teras: Bertanggungjawab
Tajuk: Hak asasi warganegara Malaysia
Konteks: Diri, masyarakat, negara dan global

Literasi sivik
Pengetahuan: Menyatakan hak-hak asasi warganegara Malaysia yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia
Sosioekonomi: Menghargai kebebasan yang diberikan
Tindakan: Menggunakan media sosial dengan berhemah

Aktiviti:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membincangkan hak-hak asasi warganegara Malaysia yang dinyatakan dalam Perlembagaan Malaysia.
3. Pilih dan bincangkan mana-mana dua hak yang berikut:
   (a) Kebebasan bersuara
   (b) Kebebasan berhimpun dan pergerakan
   (c) Kebebasan beragama
   (d) Kebebasan politik
4. Bentangkan hasil dapatan kumpulan masing-masing di hadapan kelas.

VIDEO
Tatacara Mengundi

INFO
Kebebasan Bersuara Perlu Diamalkan Secara Bertanggungjawab, Elakkan Provokasi

Tahap Penguasaan Unit 8 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Praktis SPM 8

Bahagian A

1. Soalan berikut berkaitan dengan orang kurang upaya (OKU).



(Sumber: Lukisan artis)

(a) Berdasarkan situasi di atas, mengapakah golongan orang kurang upaya (OKU) perlu diberikan bantuan?

F1 Mengelakkan kemalangan

H1 Memastikan keselamatan OKU

[2 *markah*]

(b) Jelaskan jenis bantuan yang boleh dihulurkan kepada orang kurang upaya (OKU) di negara kita.

F1 Peluang pekerjaan

H1 Mempunyai sumber pendapatan

F2 Sokongan moral

H2 Motivasi meneruskan kehidupan

[4 *markah*]

Encik Wong dan isteri mempunyai seorang anak lelaki. Namun anak lelakinya mengalami kurang upaya pembelajaran. Walaupun telah diberikan nasihat oleh guru, namun Encik Wong masih tidak mahu menghantar anaknya ke sekolah pendidikan khas. Hal ini demikian kerana sekolah tersebut jauh dari rumahnya dan perlu tinggal di asrama.

(c) Anda setuju dengan tindakan Encik Wong. Nyatakan alasan anda.

H1 Risau anak tidak dapat menyesuaikan diri

H2 Isterinya akan sedih jika berjauhan dengan anak

H3 Hubungan dengan anak akan renggang

H4 Memastikan anak mendapat pendidikan yang sempurna

(Terima jawapan murid yang munasabah) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan hak dan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

Hak	**Tanggungjawab**
Kuasa untuk mengambil tindakan berdasarkan undang-undang dan peraturan.	Kesanggupan untuk melaksanakan kewajipan dalam menjaga kedaulatan negara.

(a) Berdasarkan maklumat di atas, berikan contoh hak dan tanggungjawab berdasarkan golongan individu di bawah.

(i) Hak pengguna

F1 Hak mendapat maklumat

F2 Hak mendapat ganti rugi

(ii) Tanggungjawab pekerja

F1 Menjalankan kerja dengan amanah

F2 Menepati masa bekerja

[2 *markah*]

(b) Mengapakah seseorang individu perlu memelihara hak sebagai warganegara?

F1 Meringankan beban

H1 Dapat hidup dengan selesa

H2 Mendapat bantuan kerajaan

C1 Bantuan kewangan

H3 Hak tidak dinafikan

F2 Dapat hidup dalam negara yang aman

C2 Tiada diskriminasi akibat perbezaan agama

H4 Elak pergaduhan antara kaum

H5 Meneruskan kehidupan tanpa konflik

H6 Kehidupan bahagia

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C

3. Gambar di bawah merujuk kepada sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab.



(Sumber: Google Images)

(a) Nyatakan kategori bahan buangan yang selalu dibuang oleh masyarakat.

F1 Plastik

F2 Logam

F3 Kaca

F4 Kertas

F5 Sisa makanan

F6 Sisa toksik

[4 *markah*]

(b) Ramalkan punca yang menyebabkan masyarakat melakukan tindakan tersebut.

F1 Kurang kesedaran

H1 Tidak mengetahui kesan buruk membuang sampah merata-rata

H2 Sudah menjadi amalan harian

C1 Membuang sampah sesuka hati

H3 Tidak menghiraukan cara pembuangan sampah yang betul

F2 Sikap individualistik

H4 Tidak memikirkan tentang penghuni setempat

H5 Menganggap ada pekerja kebersihan yang menguruskan sampah

C2 Majlis Bandaraya Pulau Pinang

H6 Membuang sampah di kawasan berdekatan sahaja walaupun tong sampah telah penuh

[8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan tindakan yang patut anda lakukan untuk mengatasi masalah pembuangan sampah merata-rata. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Rakyat Malaysia

Nilai: Nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai kasih sayang

F1 Mengamalkan kitar semula

H1 Mengasingkan sampah mengikut kategori

H2 Kurangkan longgokan sampah

C1 Membuang sampah ke dalam tong sampah kitar semula

H3 Tidak membuang sampah dengan sesuka hati

F2 Menyertai kempen kesedaran

H4 Mengetahui cara membuang sampah dengan betul

H5 Mengamalkan cara pembuangan sampah yang mesra alam

C2 Kempen Kitar Semula

H6 Mengurangkan jumlah sampah dibuang dalam tong sampah

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

4. Soalan di bawah berkaitan dengan hak dan tanggungjawab warganegara Malaysia.

(a) Jelaskan contoh hak dan tanggungjawab yang diberikan kepada rakyat Malaysia.

F1 Hak memilih kerajaan

H1 Rakyat yang mencapai syarat boleh mengundi

F2 Rakyat perlu mengikuti peraturan semasa mengundi

H2 Rakyat tidak harus memakai baju yang berlogo politik semasa pergi mengundi

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita harus menjaga hak yang diberikan?

F1 Merupakan hak asasi kita sebagai rakyat

H1 Memilih yang terbaik untuk negara

H2 Menjamin pembangunan negara ke arah yang maju

H3 Elak negara dihina oleh negara lain

C1 Membuat keputusan untuk memilih pemimpin negara yang berkaliber

F2 Menjamin keamanan negara

H4 Mengelakkan perselisihan faham kaum

H5 Menolak aktiviti haram yang menyebabkan kekacauan

C2 Menjalankan perhimpunan setelah mendapat kebenaran

H6 Menjaga kesejahteraan negara

[8 *markah*]

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat Malaysia boleh menjalani tanggungjawab mereka terhadap negara? Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari.

Watak: Rakyat Malaysia

Nilai: Nilai rasional, nilai kebebasan, nilai patriotisme

F1 Mengikuti peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan

H1 Tidak mencabar Perlembagaan Negara

H2 Mementingkan keamanan negara

H3 Elak berlaku gejala negatif yang merosakkan imej negara

C1 Elak membincang isu-isu sensitif

F2 Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara

H4 Tidak membelot negara

H5 Tidak menjatuhkan imej negara semasa melancong di luar negara

H6 Mengutamakan negara daripada kepentingan diri

C2 Bersikap sopan apabila berurusan dengan pelancong asing

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pentaksiran Akhir Tahun

Masa: 2 Jam 30 Minit

SKOR /100

Bahagian A
[50 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*.

P+ PRAKTIS EKSTRA JSU

1. Maklumat berikut berkaitan dengan kesalahan lalu lintas.

> Kemalangan jalan raya sering berlaku akibat sikap segelintir pengguna jalan raya yang melanggar peraturan lalu lintas seperti memandu melebihi had laju, melanggar lampu isyarat dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

(a) Sekiranya anda penunggang motosikal, nyatakan norma masyarakat yang patut dipatuhi apabila menggunakan jalan raya.

F1 Memakai topi keledar dengan betul

F2 Memakai pakaian berwarna cerah

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan pelanggaran peraturan lalu lintas terhadap masyarakat.

F1 Meningkatkan risiko kemalangan jalan raya

H1 Mengancam nyawa pengguna jalan raya

F2 Mangsa menanggung kerugian

H2 Perlu membayar kos rawatan dan pembaikan kenderaan

[4 *markah*]

(c) Jelaskan cara yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya.

F1 Mengadakan kempen kesedaran tentang keselamatan jalan raya

H1 Menghebahkan cara menjaga keselamatan diri di jalan raya

F2 Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang jalan raya

H2 Memberi hukuman berat kepada pemandu yang melanggar peraturan jalan raya

(Terima jawapan murid yang munasabah)

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Gambar berikut berkaitan dengan gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid.



(Sumber: Lukisan artis)

(a) Nyatakan kesan terhadap diri akibat perbuatan tersebut.

F1 Imej diri terjejas

F2 Ketinggalan dalam pelajaran

[2 *markah*]

(b) Banding beza sikap berkeperibadian mulia dengan bukan berkeperibadin mulia sebagai murid.

Berkeperibadian mulia

F1 Mendengar nasihat guru

F2 Belajar bersungguh-sungguh

Bukan berkeperibadian mulia

F1 Melanggar arahan guru

F2 Malas belajar

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah anda dapat mengekalkan peribadi mulia walaupun dipengaruhi oleh rakan sebaya?

F1 Memilih rakan yang berakhlak baik

H1 Pergaulan dengan rakan positif mendorong melakukan perkara berfaedah

F2 Menolak ajakan rakan negatif

H2 Memberitahu rakan kesan buruk perlakuan

(Terima jawapan murid yang munasabah) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Maklumat berikut berkaitan dengan hukuman yang dikenakan ke atas Yin Ying.

> Yin Ying dikenakan hukuman demerit kerana tidak menyiapkan kerja yang diberikan guru.

(a) Jelaskan **satu** prinsip moral yang berkaitan dengan tindakan guru tersebut.

F1 Prinsip keadilan

H1 Menjaga kepentingan orang lain

H2 Menjaga hak setiap individu

[2 *markah*]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah tindakan guru tersebut dianggap adil?

F1 Hukuman dikenakan sama rata

H1 Semua murid yang tidak menyiapkan kerja menerima hukuman yang sama tanpa mengira latar belakang

F2 Mematuhi peraturan sekolah

H2 Memastikan disiplin murid terjaga

[4 *markah*]

(c) Huraikan kesan jika guru tidak bersikap adil dalam menangani kes tersebut.

F1 Menimbulkan ketidakpuasan hati murid lain

H1 Murid berasa tidak dihargai dan menimbulkan konflik

F2 Menjejaskan disiplin sekolah

H2 Murid lain tidak mengambil serius peraturan kerana hukuman tidak dilaksanakan dengan adil

(Terima jawapan murid yang munasabah)

[4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Maklumat berikut berkaitan dengan amalan guna semula (*reuse*).

> Amalan guna semula (*reuse*) semakin digalakkan sebagai satu langkah memelihara alam sekitar. Namun masih terdapat segelintir masyarakat yang kurang mengamalkan budaya guna semula dalam kehidupan seharian.

(a) Nyatakan contoh amalan guna semula (*reuse*) yang diamalkan dalam kehiduan seharian.

F1 Menggunakan semula beg kain ketika membeli-belah

F2 Menggunakan semula kotak kasut sebagai kotak hadiah

[2 *markah*]

(b) Huraikan implikasi amalan guna semula (*reuse*) kepada alam sekitar.

F1 Mengurangkan pencemaran alam sekitar

H1 Jumlah sampah yang dibuang dapat dikurangkan

F2 Memelihara kelestarian alam sekitar

H2 Keseimbangan ekosistem dapat dikekalkan

[4 *markah*]

(c) Senaraikan kesan pengabaian amalan tersebut dalam kehidupan seharian masyarakat.

F1 Peningkatan jumlah sisa pepejal

F2 Peningkatan kos perbelanjaan seharian

F3 Pencemaran alam sekitar meningkat

F4 Pembaziran sumber alam semula jadi

(Terima jawapan murid yang munasabah) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5. Gambar berikut berkaitan dengan pengurusan perbelanjaan secara beretika.



Pilihan A



Pilihan B

(Sumber: Google Images)

(a) Sekiranya anda merancang untuk membeli kenderaan, yang manakah menjadi pilihan anda? Jelaskan.

F1 Pilihan A

H1 Harga lebih murah

H2 Menjimatkan wang; atau

F2 Pilihan B

H4 Memenuhi impian

H5 Menunjukkan gaya hidup mewah

[3 *markah*]

(b) Jelaskan cabaran yang dihadapi dalam memasarkan kereta buatan tempatan.

F1 Sikap individualistik

H1 Masyarakat mengutamakan kereta import

F2 Persaingan dengan kereta import

H2 Reka bentuk kereta import menjadi pilihan generasi muda

[3 *markah*]

(c) Ramalkan implikasi jika masyarakat Malaysia mengutamakan kereta import berbanding kereta tempatan.

F1 Ekonomi negara terjejas

H1 Berlaku pengaliran wang keluar negara

F2 Industri kereta tempatan terjejas

H2 Syarikat automotif mengalami kerugian

(Terima jawapan murid yang munasabah) [4 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian B
[10 *markah*]
Jawab **satu** *soalan sahaja*.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan integriti keluarga.

> Dengan integriti yang kukuh, hubungan kekeluargaan menjadi lebih erat, kepercayaan dapat dipupuk, dan anak-anak dapat membesar dalam persekitaran yang positif. Oleh itu, integriti keluarga perlu sentiasa dipelihara agar dapat melahirkan generasi yang beretika dan berwibawa.

(a) Senaraikan peranan ketua keluarga dalam memupuk keluarga yang harmoni.

F1 Mencari rezeki yang halal

F2 Memberi ajaran agama / didikan moral

F3 Menjaga keselamatan ahli keluarga

[2 *markah*]

(b) Sebagai anak, bagaimanakah anda mengamalkan integriti keluarga bagi memastikan hubungan erat antara ahli keluarga terus terjalin?

F1 Bercakap sopan dengan ahli keluarga

H1 Menggunakan bahasa yang baik semasa berkomunikasi dengan ahli keluarga

H2 Tidak meninggikan suara

C1 Menjawab pertanyaan ibu bapa dengan nada yang lembut

H3 Mengekalkan hubungan kekeluargaan yang erat kerana komunikasi yang baik

F2 Menjaga rahsia keluarga

H4 Mengelakkan penyebaran maklumat peribadi yang menimbulkan konflik

H5 Mengekalkan kepercayaan antara ahli keluarga kerana setiap anggota keluarga berasa dihargai

C2 Tidak menceritakan masalah kewangan yang dihadapi keluarga kepada rakan

H6 Melindungi nama baik keluarga daripada dipandang negatif

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan kejayaan atlet negara.

> Kejayaan Datuk Mohd Azizulhasni Awang merupakan kebanggaan rakyat Malaysia kerana beliau telah mengharumkan nama negara di persada sukan antarabangsa melalui acara berbasikal trek. Kejayaan beliau untuk mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa bukanlah perkara mudah jika tiada jati diri yang kukuh.

(a) Nyatakan **dua** ciri yang dimiliki oleh tokoh di atas sehingga berjaya dalam bidang yang diceburi.

F1 Gigih berlatih

F2 Tidak mudah berputus asa

[2 *markah*]

(b) Huraikan implikasi hasil kejayaan Datuk Mohd Azizulhasni Awang dalam kejohanan antarabangsa.

F1 Meningkatkan imej negara

H1 Negara dikenali oleh negara lain

H2 Membuktikan bahawa atlet negara mampu bersaing dengan atlet dalam kejohanan antarabangsa

C1 Datuk Mohd Azizulhasni Awang berjaya memenangi pingat emas dalam acara keirin di Sukan Komanwel, Glasgow 2026

H3 Negara mendapat pengiktirafan dunia terhadap kemampuan atlet negara

F2 Menjadi inspirasi kepada rakyat khususnya golongan muda

H4 Menyuntik semangat kepada generasi muda untuk berusaha bersungguh-sungguh mencapai kejayaan

H5 Memupuk minat masyarakat untuk melibatkan diri dalam bidang sukan

C2 Generasi muda menjadikan Datuk Mohd Azizulhasni Awang sebagai idola kerana kejayaannya bangkit daripada kecederaan

H6 Membentuk sikap gigih dan tidak mudah berputus asa dalam menghadapi cabaran

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bahagian C
[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan*.

8. Gambar di bawah merujuk kepada ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak.



(Sumber: Google Images)

(a) Senaraikan jenis ketagihan lain yang kemungkinan berlaku ke atas kanak-kanak.

F1 Ketagihan televisyen

F2 Ketagihan minuman manis

F3 Ketagihan makanan segera

F4 Ketagihan media sosial

[4 *markah*]

(b) Jelaskan kesan ketagihan penggunaan gajet kepada kanak-kanak. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

Watak: Kanak-kanak

Nilai: Nilai rasional, nilai kesederhanaan, nilai bertanggungjawab

F1 Menjejaskan interaksi sosial

H1 Kurang berkomunikasi secara bersemuka dengan ahli keluarga dan rakan-rakan

H2 Sukar membina kemahiran komunikasi berkesan

C1 Gemar bermain permainan video berbanding menyertai aktiviti bersama rakan di taman permainan

H3 Tidak suka aktiviti berkumpulan secara bersemuka

F2 Menjejaskan penglihatan

H4 Menyebabkan mata menjadi letih kerana menumpukan perhatian terlalu lama kepada skrin gajet

H5 Meningkatkan risiko rabun akibat pendedahan kepada cahaya skrin pada jarak dekat

C2 Memakai cermin mata pada usia muda

H6 Mengganggu keselesaan mata sehingga menyebabkan mata kering dan pedih

[8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Huraikan langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk mengatasi ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak

F1 Mengehadkan masa penggunaan gajet

H1 Menetapkan jadual penggunaan gajet yang sesuai mengikut umur anak

H2 Mengimbangi masa antara pembelajaran, aktiviti fizikal dan penggunaan gajet

C1 Membenarkan anak menggunakan gajet selama dua jam sehari selepas menyiapkan kerja sekolah

H3 Memastikan penggunaan internet secara terkawal

F2 Menggalakkan penglibatan dalam aktivivti berfaedah

H4 Mengajak anak menyertai aktiviti riadah, sukan atau program kemasyarakatan

H5 Memastikan anak mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah

C2 Membawa anak berjoging pada setiap hujung minggu bagi mengurangkan masa bermain gajet

H6 Menggalakkan minat anak terhadap aktiviti lain

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

9. Gambar di bawah menunjukkan keadaan di sebuah kampung selepas berlaku banjir.



(Sumber: Google Images)

(a) Jelaskan punca yang menyebabkan banjir berlaku.

F1 Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik

H1 Longkang dan saliran tersumbat

F2 Pembuangan sampah ke dalam saliran air

H2 Sampah yang dibuang ke dalam longkang / sungai menyekat aliran air

[4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Bagaimanakah anda dapat membantu mangsa banjir meneruskan kehidupan seperti biasa selepas bencana banjir?

F1 Memberi bantuan keperluan asas

H1 Menyediakan makanan dan pakaian kepada mangsa banjir

H2 Meringankan beban mangsa

C1 Menyumbangkan pakaian terpakai dan makanan kering kepada pusat pemindahan banjir

H3 Memastikan mangsa banjir mendapat bekalan mencukupi

F2 Menjadi sukarelawan dalam aktiviti pembersihan kawasan

H4 Membantu membersihkan lumpur, sampah dan sisa banjir di kawasan kediaman mangsa

H5 Mempercepat proses pemulihan rumah dan persekitaran supaya boleh didiami semula

C2 Menyertai gotong-royong membersihkan rumah mangsa banjir selepas air surut

H6 Mengurangkan risiko penyakit akibat persekitaran kotor selepas banjir

[8 *markah*]

(c) Jelaskan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan bagi mengurangkan risiko berlakunya banjir. Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

Watak: Kerajaan

Nilai: Nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai kasih sayang, nilai baik hati

F1 Mempertingkatkan sistem perparitan dan saliran

H1 Menaik taraf longkang supaya dapat menampung jumlah air hujan yang banyak

H2 Memastikan air mengalir dengan lancar ke sungai atau kawasan takungan

C1 Membesarkan sistem perparitan di kawasan perumahan yang sering dilanda banjir

H3 Melaksanakan kerja-kerja menyelenggara secara berkala

F2 Melaksanakan projek tebatan banjir

H4 Membina empangan untuk menampung air hujan berlebihan

H5 Mengawal aliran air sungai supaya tidak melimpah ke kawasan penempatan

C2 Pembinaan terowong SMART di Kuala Lumpur membantu mengalihkan air banjir dari pusat bandar

H6 Mengelakkan kejadian banjir besar semasa hujan lebat berpanjangan

(Terima jawapan murid yang munasabah) [8 *markah*]

Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.